

GANU NELANG

UPM unggul kejohanan memanah

Berjaya tewaskan 20 pasukan lain dalam Kejohanan Memanah Terbuka PKS Unisza

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS – Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara keseluruhan pada Kejohanan Memanah Terbuka Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), sekali gus membawa pulang tunai RM2,000 berserta piala pusingan dan hadiah iringan lain.

Sementara itu, tempat kedua dimenangi Monster Chill manakala tempat ketiga pula milik Universiti Teknologi Mara (UiTM), masing-masing memenangi tunai berjumlah RM1,500 dan RM700.

21 pasukan ambil bahagian

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi Unisza, Riduan Mohamed Arof berkata, kejohanan memasuki edisi kedua itu dianjurkan di Unisza Kampus Gong Badak yang mempunyai pusat latihan khusus untuk sukan memanah.

Menurutnya, kejohanan itu menyaksikan sebanyak 21 pasukan mengambil bahagian dengan penyertaan keseluruhan 250 atlet dan pegawai.

"Kejohanan ini diadakan bertujuan membangunkan sukan memanah di Terengganu, sekali gus melahirkan lebih ramai atlet berbakat.

"Penganjuran ini juga menunjukkan perkembangan cukup positif, justeru kita harap dapat melahirkan lebih ramai atlet berbakat besar pada masa akan datang," katanya.

Mahu lahir atlet berbakat

Riduan berkata, sukan memanah kini semakin mendapat tempat dalam masyarakat kerana bukan sahaja diperkenalkan di peringkat institusi pengajian tinggi, malah dikembangkan sejak peringkat sekolah menengah lagi.

Justeru katanya, kejohanan tahunan seumpama itu diharap dapat membantu melahirkan lebih ramai atlet berbakat besar untuk mewakili negeri dan juga negara.

"Seseorang atlet perlu berusaha bersungguh-sungguh selain bijak mencari peluang untuk memantapkan kemahiran sedia ada.



Pasukan yang menang diraikan dengan penuh meriah.

"Oleh itu, kita harap acara ini akan diteruskan sebagai landasan terbaik untuk atlet menguji kemampuan masing-masing. Kita juga berharap acara ini dapat dikembangkan lagi bagi menarik lebih ramai peserta untuk mengambil bahagian," katanya, di sini.

Arif Farhan paling menonjol

Sementara itu, atlet dari UPM, Arif Farhan Ibrahim Putra pula muncul antara peserta paling menonjol apabila merangkul emas dalam semua kategori individu dan berpasukan yang disertainya.

Antara kemenangan diraih Arif Farhan adalah Keseluruhan 70 Meter bagi kategori Recurve Lelaki; Pusingan Olimpik Individu, Recurve Lelaki dan Pusingan Olimpik Berpasukan, Recurve Lelaki.



Arif Farhan (dua, kiri) ketika menerima hadiah kemenangan.



Atlet bersedia mengambil kesempatan merakam kenangan selepas selesai penyampaian hadiah Kejohanan Memanah Terbuka Pusat Kecemerlangan Sukan Unisza.